

NO. SOALAN : 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK UGAK ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 27 MAC 2017

SOALAN :

YB. Datuk Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mempromosi Tasik Bakun dan Tasik Murum sebagai tarikan pelancong setanding dengan Tasik Kenyir.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan berterima kasih kerana mengetengahkan destinasi baru untuk dipromosikan oleh agensinya Tourism Malaysia yang senantiasa mencari produk-produk baru untuk diperkenalkan kepada pelancong asing dan tempatan sebagai destinasi baru untuk diterokai. Kementerian juga selalu bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam mencari destinasi-destinasi baru yang boleh diperkenalkan kepada pelancong baik dari dalam mahupun dari luar negara.

Sehubungan itu, sebagai langkah mempromosikan Tasik Bakun, pejabat Tourism Malaysia Sarawak telahpun mengadakan sesi lawatan melibatkan pengusaha pelancongan Sarawak iaitu International Travel Centre Sdn Bhd dan media dari Majalah Umpan dan Majalah Pancing dari 5-8 Oktober 2016. Artikel empat mukasurat mengenai Tasik Bakun telahpun keluar di Majalah Pancing pada isu Januari 2017 manakala Majalah Umpan melalui sisipan 3 minggu berturut-turut di Sinar Harian pada bulan Oktober 2016.

Sehingga kini terdapat 9 pakej menyelam dan 16 pakej memancing di Sarawak termasuk pakej memancing di Bakun telah dibangunkan oleh pejabat TM Sarawak dan telah diserahkan kepada *Sarawak Tourism Board* (STB) untuk tindakan mereka selanjutnya.

Namun begitu beberapa lagi langkah promosi boleh diambil kira seperti;

1. Menjalankan kempen promosi dan pengiklanan taktikal yang memuatkan pakej-pakej pelancongan ke Tasik Bakun sempena musim cuti sekolah;
2. Bekerjasama dengan pengusaha *homestay* Uma Belor di Sg. Asap (Rumah Panjang Terpanjang Di Sarawak) dan *floating house* di Tasik Bakun bagi membangun dan mempromosikan pakej *homestay* yang memberikan pengalaman sebenar kehidupan masyarakat setempat kepada pelancong domestik dan antarabangsa; dan
3. Menyediakan platform bagi pihak-pihak berkenaan dari Tasik Bakun menyertai misi-misi galakan promosi Tourism Malaysia di dalam dan luar negara.

Bagi Tasik Murum, kajian mengenai produk ini akan dilaksanakan oleh pejabat T.M. Sarawak dengan kerjasama Sarawak Tourism Board bagi mengenalpasti potensi selanjutnya supaya ianya dapat dipromosikan dengan lebih berkesan sekiranya ianya benar-benar bersesuaian.

Sekian, terima kasih.